

MEDIA MASSA DAN REMAJA: POLA PENDEDAHAN DARI ASPEK JENIS DAN KANDUNGAN

HAMISAH HASAN, EZHAR TAMAM, MUHAMMAD ROSLI SELAMAT
& NARIMAH ISMAIL

ABSTRAK

Media massa memainkan penting dalam kehidupan remaja. Penggunaan media massa yang tinggi dalam kalangan remaja menyebabkan ramai yang berpendapat media massa sebagai elemen negatif yang mempengaruhi tingkah laku remaja. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola pendedahan remaja dalam kalangan umur 15 – 25 tahun terhadap penggunaan media massa. Kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti jenis penggunaan media massa dan isi kandungan media massa dalam kalangan remaja tersebut. Untuk tujuan tersebut satu kajian kuantitatif berbentuk survei yang menggunakan soal selidik sebagai alat pengutipan data dijalankan terhadap responden dalam kalangan remaja di sekitar kawasan Lembah Kelang. Seramai 500 responden dipilih untuk tujuan pengumpulan data dan kajian ini menunjukkan kebanyakan remaja yang ditemui bual mengalami pendedahan yang tinggi kepada televisyen (TV) berbanding media massa yang lain. Mereka juga menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap pendedahan program berbentuk hiburan. Dapatan kajian ini menyokong hasil perbincangan kajian lepas yang mendapati penggunaan media massa yang tinggi untuk tujuan hiburan. Perkara ini tidak menghairankan kerana didapati media massa khusus TV menyediakan pelbagai program yang kebanyakannya mempunyai unsur hiburan yang tinggi.

Kata Kunci: Media Massa, Remaja, Kandungan Media Massa

ABSTRACT

Mass media plays an important role in youth. It has been suggested that the high utilization of the mass media has been the cause for the negative influence on the behavior of youth today. However, there has been no empirical study that has supported such statement. The research examined the patterns of exposure on the mass media usage amongst youth between the ages of 15 – 25 years old. The research has also examined the types and contents of the mass media usage. A quantitative survey using a set of questionnaire for data collection was distributed to 500 respondents from the Klang Valley. The study showed that most of the youth were highly exposed to Television (TV) compares to other media. They were also found to be highly exposed to the entertainment program. The finding has also supported past findings that has shown the high exposure of entertainment

program. This is not surprising since the mass media especially TV provides various programs and mostly was entertainment.

Keywords: *Mass Media, Youth, Media Content*

PENGENALAN

Banyak diperkatakan mengenai perkaitan media massa dan perkembangan golongan remaja. Pelbagai laporan yang dikemukakan berkaitan isu perkaitan pendedahan media massa dan remaja. Terdapat pelbagai persepsi yang dikemukakan apabila membincangkan mengenai perkaitan di antara media massa dan golongan remaja. Malahan apabila timbul kegiatan devian yang dilakukan oleh remaja, masyarakat kerap mengaitkan tindakan tersebut dengan pendedahan kepada media massa. Begitu kerap juga media massa dikatakan sebagai pengaruh yang negatif terhadap perkembangan remaja.

Merujuk kepada laporan Fakta Belia (2007) yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, remaja atau kalangan belia adalah terdiri daripada mereka yang berusia 15 hingga 25 tahun. Menurut laporan tersebut juga daripada jumlah penduduk pada tahun 2005, seramai 11.10 juta (42.5 peratus) adalah terdiri daripada kalangan belia dan angka tersebut dijangkakan meningkat kepada 11.65 juta pada tahun 2010. Walaupun golongan ini tidak mewakili majoriti masyarakat, namun ini tidak bermakna angka tersebut tidak perlu dianggap serius.

Golongan remaja juga adalah mewakili ahli masyarakat yang terbesar. Sebilangan besar daripada mereka juga adalah terdedah kepada penggunaan pelbagai jenis media massa seperti radio, televisyen (TV), akhbar, Internet dan sebagainya. Kini, masyarakat didedahkan dengan situasi percambahan media massa yang berkembang dengan memberangsangkan. Kegiatan mendapatkan maklumat juga menjadi satu perkara yang mudah dan cepat sama ada menerusi media cetak yang semakin bertambah banyak bilangannya ataupun media elektronik yang juga menyediakan pelbagai pilihan program yang disajikan kepada khalayak untuk tontonan.

Perkembangan sedemikian adalah sesuatu yang membanggakan kerana secara tidak langsung aliran maklumat kepada khalayak menjadi semakin mudah dan cepat. Walau bagaimanapun perkembangan ini juga menampakkan kesan yang kurang sihat khususnya apabila kandungan media yang kurang memuatkan program berunsurkan pendidikan disalurkan secara berleluasa dan meninggalkan kesan kepada khalayak. Keadaan ini semakin dirasai khususnya menerusi pengaruh media massa terhadap khalayak remaja. Apatah lagi media juga dikatakan berupaya

membentuk pandangan mengenai budaya dan agama sesuatu masyarakat. Justeru adalah penting untuk dikenal pasti kesan daripada pendedahan ini secara empirikal. Apakah jenis media massa yang digunakan oleh remaja? Apakah pula kandungan media massa yang mereka tonton atau baca?

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti pendedahan remaja terhadap media massa dari aspek isi kandungan dan juga jenis media yang mereka tonton dan baca. Secara khususnya kajian yang dijalankan ini mengenal pasti program siaran media massa yang ditonton ataupun dibaca oleh remaja. Di antara program yang dikenal pasti ialah; Hiburan, Agama, Ehwat Semasa, Gaya Hidup dan Sukan. Sementara media massa yang dikenal pasti untuk mengumpul data pendedahan remaja ialah; televisyen, radio, akhbar, majalah dan Internet. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan jumlah jam oleh remaja ketika menggunakan media massa dan juga jenis media massa yang kerap mereka gunakan.

KAJIAN LEPAS

Media massa dianggap sebagai tidak bertanggungjawab apabila terdapat pelbagai alasan yang diberikan untuk memberikan justifikasi penyiaran program yang kurang mendidik khalayak penonton. Malahan Kementerian Belia dan Sukan dalam satu laporan yang dikeluarkan pada 1994 mengatakan bahawa perbuatan salah laku remaja adalah berpunca daripada media massa.

Di antara pelbagai media massa yang dibincangkan, didapati Televisyen (TV) memainkan peranan penting sebagai saluran hiburan dan penyampaian maklumat kepada khalayak (Larking, 1997). Bagi khalayak remaja, ciri hiburan yang terdapat pada siaran TV tersebut jelas menjadi daya tarikan untuk mereka menggunakan media tersebut berbanding media yang lain. Justeru, tidak menghairankan apabila aktiviti menonton TV dijadikan sebagai satu budaya dalam kalangan remaja. Malahan tidak kurang yang menghabiskan masa yang lama berdampingan TV.

Fenomena yang sama juga ketara berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia. TV adalah media massa yang popular dan dimiliki setiap isi-rumah. Sama ada siaran TV secara percuma atau berbayar, bukan lagi menjadi halangan kerana jelas khalayak masyarakat kini mampu memperolehnya. Malahan menurut kajian Ab. Halim dan rakan-rakan (2005), pengaruh negatif media massa kini dirasai di kawasan luar bandar. Di samping itu, TV juga dikatakan sebagai meninggalkan kesan negatif kerana menyiarkan maklumat yang tidak tepat, berat sebelah, propaganda, sensasi, lucu, berbau perkauman dan sebagainya (Mugheses-Uddin. 1997). Pendedahan terhadap TV juga dikatakan sebagai dapat

meninggalkan kesan yang negatif terhadap penonton khususnya dari aspek sosio-psikologi seperti mempunyai perasaan rendah diri, tahap kerisauan yang tinggi, kurang mendapat perhatian keluarga, kurang berminat terhadap kerja sekolah, kurang keyakinan terhadap agama, mempercayai tahyul dan terbabit dalam masalah seks (Francis, 1997).

Teori Penyuburan

Gerbner menerusi Teori Penyuburan (*Cultivation Theory*) mengandaikan bahawa pendedahan televisyen (TV) khususnya adalah media yang memainkan peranan yang penting dalam meninggalkan kesan kepada pemikiran individu berkaitan dengan sesuatu isu dan kesan tersebut juga mempengaruhi persepsi individu terhadap sesuatu pandangan (Miller, 2005). Teori yang diperkenalkan oleh Gerbner tersebut juga menekankan mengenai perhubungan di antara faktor penyumbang daripada kesan media massa terhadap individu dan dalam kajian beliau ditekankan pengaruh pendedahan terhadap keganasan yang menyebabkan tingkah laku yang negatif dalam kalangan responden. Walau bagaimanapun, kertas ini hanya menghadkan skop perbincangan terhadap mengenal pasti pendedahan remaja terhadap media massa dan tahap pendedahan tersebut.

KAEDAH KAJIAN

Untuk tujuan mengutip data yang sesuai dalam mengenal pasti pola pendedahan media massa dan pendedahan terhadap isi kandungan media massa, kajian ini menggunakan kaedah survei menerusi penggunaan soal selidik sebagai alat untuk mengumpulkan data. Kaedah ini dapat memberikan data empirikal yang seragam dan *reliable* (Babbie, 2008). Proses pengumpulan data dilaksanakan dalam masa dua minggu iaitu pada 26hb Januari 2009 sehingga 8hb Februari 2009. Empat orang enumerator menjalankan tugas mengedarkan soal selidik di sekitar kawasan Lembah Kelang iaitu di sekitar pusat membeli belah Alamanda, Putrajaya, The Mines, Kajang, Shah Alam Mall, Ampang Point, Bangsar Village dan Mid-Valley Mega Mall. Soal selidik diedarkan dan diisi oleh responden sementara enumerator menunggu untuk mengutipnya selepas diisi. Pemilihan lokasi tersebut adalah kerana lokasi yang dipilih adalah juga tempat-tempat yang menjadi tumpuan remaja.

Soal selidik yang dibentuk mempunyai 12 halaman dengan enam bahagian iaitu A, B, C, D, E, F dan G. Bahagian A mempunyai 21 soalan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai profil responden. Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan yang digubal untuk mengukur kefahaman Islam responden dengan menerusi 30 item yang disenaraikan. Sementara bahagian C dalam soal selidik adalah bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman Islam dengan mengemukakan 22 item. Bahagian D yang bertujuan untuk mengukur

personaliti Muslim pula memuatkan 82 item dan Bahagian E iaitu pembentukan soalan untuk mengukur amalan sosial masa kini mempunyai 12 item. Semua bahagian ini kecuali bahagian A menggunakan ukuran skala likert yang menggunakan lima skala untuk pilihan responden. Skala yang digunakan ialah pilihan “1” untuk sangat tidak setuju dan pilihan “5” untuk sangat setuju. Soalan menerusi bahagian F digubal untuk mengukur pola pendedahan remaja terhadap media massa.

Di samping itu terdapat empat soalan yang bertanya mengenai kekerapan pendedahan terhadap rancangan-rancangan hiburan, berita & ehwal semasa, agama, sukan dan gaya hidup. Empat soalan yang digubal tersebut adalah untuk mengukur pendedahan kepada media massa seperti TV, radio, akhbar dan majalah. Selain itu, responden juga disoal mengenai pendedahan terhadap kandungan Internet. Untuk tujuan tersebut mereka diperlukan meneliti 10 pengisian Internet dan memilih jumlah jam dalam masa sehari mereka melayari Internet untuk tujuan tersebut. Untuk mengetahui pendedahan terhadap pengisian TV, responden diberikan 21 program TV untuk dipilih terhadap kekerapan pendedahan.

Kajian ini dijalankan terhadap responden dalam kalangan remaja yang berumur di antara 15-25 tahun. Pemilihan sampel dilakukan secara konvenien dengan mengemukakan borang soal selidik kepada remaja yang dipilih. Seramai 500 remaja yang terdiri 250 remaja perempuan dan 250 remaja lelaki telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Dalam kalangan 250 remaja lelaki dan perempuan yang dipilih, pembahagian yang sama rata dilakukan dari aspek jumlah responden dan kategori umur. Oleh itu, 125 responden dipilih untuk kategori umur di antara 15-20 tahun dan 125 responden juga untuk kategori umur di antara 21-25 tahun.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan responden dari aspek demografi responden yang merangkumi umur, jantina, tahap pendidikan, pendapatan bulanan, wang saku untuk perbelanjaan yang diterima serta pekerjaan. Pemilihan sampel di antara jantina dilakukan dengan jumlah yang sama iaitu 50 peratus lelaki dan 50 peratus wanita untuk memastikan keseimbangan data. Dari aspek umur, terdapat tiga kategori yang dikelompokkan iaitu 15-17 tahun (25.2 peratus), 18-21 tahun (35.6 peratus) dan 22-25 tahun (39.2 peratus). Sementara tahap kelulusan mereka pula didapati 23 peratus mempunyai kelulusan pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia, 22.4 peratus daripada mereka melanjutkan pengajian dan mempunyai diploma, 16.6 peratus hanya berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran, 13.8 peratus pula telah tamat pengajian sehingga ke tahap *bachelor*, 10.8 peratus menamatkan pendidikan hingga ke peringkat Sijil Tinggi Persekolahan dan 5.8

peratus mempunyai tahap kelayakan pada peringkat sijil. 5.8 peratus hanya menamatkan sehingga peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan hanya satu peratus sahaja yang mempunyai ijazah sarjana sementara sampel yang mempunyai kelulusan peringkat *A Level* adalah 0.5 peratus.

Oleh kerana kebanyakan daripada responden adalah terdiri daripada kalangan pelajar, kebanyakan daripada mereka iaitu 70 peratus tiada mempunyai pendapatan bulanan (59.8 peratus). Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan yang kecil iaitu (9.6 peratus) mempunyai pendapatan kurang daripada RM1000 sebulan dan 17.8 peratus pula memperoleh pendapatan di antara RM1001-RM3000 sebulan. Sementara jumlah yang kecil iaitu dua peratus daripada mereka mempunyai pendapatan yang melebihi RM3001 sebulan.

Responden juga ditanya mengenai wang saku dan dalam kalangan responden jelas terdapat di antara mereka yang mendapat wang saku untuk perbelanjaan daripada ibu bapa iaitu seramai 67.2 peratus dan selebihnya iaitu 32.8 peratus tidak menerima wang saku. Bagi mereka yang menerima wang saku, hanya 4.8 peratus sahaja yang daripada responden yang menerima wang saku yang melebihi RM501-RM1000. Kebanyakan daripada mereka (32.6 peratus) menerima wang saku kurang daripada RM100 sebulan dan 13.6 peratus menerima wang saku di antara RM101-RM200 sebulan.

Jika terdapat dalam kalangan mereka yang berbelanja dengan menggunakan wang saku, didapati juga dalam kumpulan responden yang sudah mempunyai pekerjaan misalnya di sektor swasta (19 peratus) dan sebilangan kecil pula bekerja di sektor kerajaan iaitu lima peratus. Namun begitu lebih daripada separuh jumlah responden masih menuntut (59.8 peratus) dan tidak bekerja (12 peratus). Ini ketara menunjukkan wang saku yang diberikan oleh ibu bapa adalah sumber kewangan sebilangan remaja ini untuk perbelanjaan mereka dan kemungkinan juga mereka menggunakannya untuk membeli bahan-bahan hiburan yang mereka minati.

Jadual 1: Taburan Peratusan Dan Kekerapan Profil Demografi Responden (n=500)

Pemboleubah	Kekerapan	Peratusan
Umur		
15 – 17 tahun	126	25.2
18 – 21 tahun	178	35.6
22 – 25 tahun	196	39.2

Jantina		
Lelaki	250	50
Perempuan	250	50
Pendidikan Tertinggi		
UPSR	29	5.8
SRP / PMR	83	16.6
SPM / MCE	115	23
STPM / STAM	54	10.8
Sijil	29	5.8
Diploma	112	22.4
Ijazah	69	13.8
Sarjana	5	1.0
Lain-lain (A-Level)	4	0.8
Pendapatan Bulanan		
Tiada	350	70
Bawah RM 1000	48	9.6
RM 1001 - RM 2000	57	11.4
RM 2001 - RM 3000	32	6.4
RM 3001 dan ke atas	13	2.6
Wang Saku Bulanan Daripada Keluarga		
Tiada	164	32.8
Bawah RM 100	163	32.6
RM 101 - RM 200	68	13.6
RM 201 - RM 300	37	7.4
RM 301 - RM 400	25	5.0
RM 401 - RM 500	19	3.8
RM 501 dan ke atas	24	4.8
Pekerjaan		
Sektor Kerajaan	25	5.0
Sektor Swasta	95	19
Bekerja Sendiri	17	3.4
NGO	4	0.8
Tidak Bekerja	60	12.0
Pelajar	299	59.8

Pendedahan Terhadap Media dari Segi Jenis dan Kandungan Media dalam Kalangan Remaja

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pendedahan remaja kepada media massa dari aspek jenis media dan kandungan media. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati remaja adalah terdedah kepada pelbagai jenis media seperti televisyen, radio, akhbar, majalah, dan Internet. Mereka juga terdedah kepada pelbagai kandungan media seperti program yang bercorak hiburan, berita dan ehwal semasa, gaya hidup, sukan dan juga kandungan yang bercorak agama. Secara yang terperinci analisis hasil kajian mengenai pendedahan remaja kepada kandungan media adalah berdasarkan maklumat dalam Jadual 2 yang diukur berdasarkan tempoh masa pendedahan kepada lima jenis media massa (radio, televisyen, majalah, akhbar dan Internet) dalam tempoh sehari.

Jadual 2: Nilai Min Pendedahan Remaja kepada Kandungan Media Massa dalam Sehari (n=500)

	Jenis Media				
Kandungan	Televisyen	Radio	Akhbar	Majalah	Internet
Hiburan	3.12	2.82	2.34	2.29	2.37
Agama	2.30	2.03	2.18	2.02	1.96
Ehwal Semasa	2.57	2.17	2.39	2.11	2.15
Gaya Hidup	2.54	2.14	2.21	2.13	2.13
Sukan	2.50	2.07	2.24	2.04	2.00
Min Pendedahan	2.606	2.246	2.272	2.118	2.122

1 = Tiada; 2 = Kurang 60 minit; 3 = 60 – 119 minit;
4 = 120 – 179 minit, 5 = 180 minit dan ke atas

Pendedahan kepada Jenis Media

Secara keseluruhannya, remaja adalah terdedah lebih lama kepada media elektronik iaitu televisyen (min=2.606) berbanding dengan media yang lain, seperti radio (min=2.246), akhbar (min=2.272), majalah (min=2.118), dan Internet (min=2.122). Dapatan kajian ini juga adalah menyokong kajian terdahulu yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang juga

mendapati jumlah yang tinggi dalam kalangan belia yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun adalah menonton TV. Kelebihan TV yang mempunyai kedua-dua elemen audio dan visual kemungkinan merupakan faktor tarikan terhadap penggunaan media tersebut yang lebih tinggi berbanding yang lain. Tambahan pula kebanyakan isi rumah di Malaysia kini memiliki set TV. Malahan terdapat juga dalam kalangan isi rumah yang mempunyai set TV yang lengkap dengan sistem audio yang baik.

Ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana seperti yang dibincangkan oleh Signorielli dan Morgan (2009) di antara media massa yang mempunyai pengguna yang tinggi adalah TV dan penggunaan paling tinggi tersebut adalah selepas waktu bekerja dan tidur. Malahan dalam kalangan mereka yang berusia kurang daripada 55 tahun dikatakan mereka lebih dahulu menonton TV daripada boleh membaca ataupun bercakap. Ini adalah kerana berbeza daripada media cetak, TV tidak memerlukan tahap literasi. Justeru, walaupun terdapat pelbagai media massa yang lain, namun didapati berlaku peningkatan dalam tahap pendedahan terhadap TV dalam kalangan setiap peringkat umur. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh peningkatan dalam jumlah saluran TV yang terdapat pada masa kini. Misalnya kalau sekitar 1970an penonton di Malaysia hanya berpeluang menonton saluran TV yang terhad, kini keadaan berbeza dan mereka berpeluang menonton pelbagai saluran TV. Tambahan pula industri penyiaran dewasa ini memperlihatkan perkembangan yang menggalakkan khususnya dalam menyiarkan program yang berjaya menarik minat khalayak penonton seperti program hiburan berbentuk realiti.

Pendedahan kepada Kandungan Hiburan

Berdasarkan maklumat dari Jadual 2 juga didapati remaja adalah terdedah lebih lama kepada kandungan media massa bercorak hiburan berbanding kandungan yang bercorak agama, gaya hidup, sukan dan ehwal semasa. Kajian ini juga mendapati pendedahan kandungan hiburan yang tinggi melalui media elektronik seperti radio (min=2.82), televisyen (min=3.12), dan Internet (min 2.37) sementara media cetak iaitu majalah pula mendapat pendedahan yang sederhana (min=2.29). Pendedahan kandungan hiburan menerusi majalah adalah yang paling rendah berbanding media massa yang lain Walaupun remaja menunjukkan pendedahan yang tinggi terhadap hiburan, namun kajian ini menunjukkan masa pendedahan remaja kepada kandungan bercorak hiburan menerusi akhbar adalah lebih rendah (min=2.34) jika dibandingkan dengan skor min 2.39 untuk kandungan maklumat ehwal semasa.

Pendedahan kepada Kandungan Agama

Di antara pelbagai program yang disenaraikan dalam kajian ini, didapati kandungan program bercorak agama pula merupakan kandungan program yang

paling rendah menerima tempoh pendedahan dalam kalangan remaja dan keadaan tersebut didapati merangkumi semua jenis media massa yang terlibat dalam kajian ini. Pendedahan keada kandungan agama radio menunjukkan skor min 2.03 sementara skor min 2.30 untuk televisyen, skor min 2.02 pula adalah untuk majalah, skor min 2.18 (akhbar), dan media baru iaitu Internet menunjukkan skor min 1.96. Secara keseluruhannya remaja yang mengambil bahagian dalam kajian ini memberikan penekanan yang rendah kepada kandungan program agama menerusi semua jenis media massa. Kemungkinan perkara sebegini dilaporkan kerana walaupun media massa menyediakan program agama namun program yang disediakan gagal menarik minat mereka untuk memberikan tumpuan. Situasi ini bukan sahaja dihadapi di negara kita, namun perkara yang sama juga dirasakan di kebanyakan negara yang mempunyai remaja beragama Islam. Di Amerika Syarikat misalnya, terdapat beberapa pihak yang cuba menerapkan pendekatan berdakwah menerusi hiburan yang tidak melalaikan. Ini adalah bertujuan untuk menarik minat remaja untuk mengikuti program berunsur agama yang dijalankan (Abdo, 2006).

Pendedahan kepada Kandungan Ehwal Semasa

Secara keseluruhannya pendedahan remaja kepada kandungan ehwal semasa yang lebih lama daripada kandungan agama dan lebih rendah berbanding dengan kandungan hiburan, kecuali media akhbar, didapati pendedahan terhadap program berbentuk ehwal semasa dengan skor min=2.39 adalah tinggi berbanding pendedahan terhadap kandungan program hiburan akhbar (min=2.34). Namun perbezaan skor min kedua-dua jenis program tidak begitu besar. Justeru, walaupun remaja memberikan tumpuan kepada kandungan yang berbentuk ehwal semasa menerusi akhbar tetapi jumlahnya tidak memberangsangkan. Walau bagaimanapun jika kandungan ehwal-semasa dipertingkatkan kemungkinan akan mendapat lebih perhatian daripada golongan ini.

Pendedahan kepada Kandungan Gaya Hidup dan Sukan

Berbanding dengan kelima-lima kandungan program siaran media massa yang disoal menerusi kajian ini, didapati pendedahan terhadap program gaya hidup dan sukan memperoleh skor min yang rendah. Jadual 2 menunjukkan program berbentuk gaya hidup mendapat skor min =2.13 menerusi Internet iaitu skor yang terendah dan skor min tertinggi ialah untuk TV (min=2.54). Untuk program sukan pula skor min terendah =2.00 untuk Internet dan skor min tertinggi ialah 2.50 untuk TV. Daripada data yang diperolehi, menunjukkan kedua-dua program berbentuk ini tidak mendapat sambutan daripada golongan remaja.

Perbandingan Pendedahan Remaja kepada Kandungan Media berdasarkan Kategori Umur

Secara keseluruhannya remaja dalam kategori umur 18-20 tahun adalah lebih banyak terdedah kepada kandungan media masa yang bercorak hiburan, agama,

ehwal semasa dan gaya hidup berbanding dengan remaja dalam kategori umur 15-17 tahun dan 21-25 tahun. Situasi ini dijelaskan berdasarkan Jadual 3 berikut. Walau bagaimanapun remaja dalam kategori umur 15-17 tahun adalah lebih banyak terdedah kepada kandungan sukan melalui media televisyen (min=2.56) berbanding dengan remaja dalam kategori umur 18-20 tahun (min=2.55) dan remaja dalam kategori 21-25 tahun (min=2.45). Sementara kandungan sukan dalam media lain seperti radio (min=2.18), akhbar (min=2.37), majalah (min=2.27) dan Internet (min=2.09), golongan remaja dalam kategori umur 18-21 tahun masih lebih banyak pendedahan mereka berbanding dengan dua kategori umur yang telah dinyatakan.

Jadual 3: Nilai Min Pendedahan Remaja Kepada Kandungan Media Massa Dalam Sehari Berdasarkan Kategori Umur: 15-17 Tahun (n=126); 18-20 Tahun (n=129); 21-25 Tahun (n=245)

Media	Televisyen			Radio			Akhbar			Majalah			Internet		
	15-17	18-20	21-25	15-17	18-20	21-25	15-17	18-20	21-25	15-17	18-20	21-25	15-17	18-20	21-25
Hiburan	3.20	3.30	2.98	2.76	3.19	2.66	2.24	2.60	2.25	2.26	2.64	2.17	1.88	2.78	2.40
Agama	2.30	2.31	2.30	2.04	2.09	2.00	2.07	2.23	2.21	2.02	2.17	1.95	1.83	2.06	1.97
Ehwal Semasa	2.42	2.55	2.67	2.15	2.25	2.14	2.26	2.47	2.42	1.91	2.27	2.13	1.76	2.29	2.29
Gaya Hidup	2.48	2.69	2.49	2.11	2.43	2.01	2.09	2.43	2.17	2.14	2.41	1.98	1.92	2.32	2.14
Sukan	2.56	2.55	2.45	2.02	2.18	1.96	2.18	2.37	2.19	1.98	2.27	1.95	1.83	2.09	2.04

1 = Tiada; 2 = Kurang 60 minit; 3 = 60 – 119 minit; 4 = 120 – 179 minit, 5 = 180 minit dan ke atas

Pendedahan kepada kandungan Hiburan: Perbandingan antara tiga Kategori umur

Pendedahan kepada kandungan hiburan melalui semua jenis media adalah lebih tinggi dialami oleh remaja dalam kategori umur 18-20 tahun berbanding dengan remaja kategori umur 15-17 tahun dan 21-25 tahun. Pendedahan kepada kandungan hiburan juga secara umumnya lebih tinggi dialami oleh remaja dalam ketiga-tiga kategori umur berbanding dengan kandungan media lain seperti agama, ehwal semasa, gaya hidup dan sukan, kecuali untuk beberapa situasi tertentu. Antara kandungan hiburan yang sedikit pendedahannya kepada remaja ialah untuk remaja kategori umur 15-17 tahun melalui media Internet (min=1.88) berbanding kandungan gaya hidup (min=1.92).

Begitu juga pendedahan kepada kandungan hiburan melalui akhbar. Didapati pendedahan kepada kandungan hiburan melalui akhbar terhadap remaja dalam kategori umur 15-17 tahun (min=2.24) dan 21-25 tahun (min=2.25) adalah lebih rendah berbanding pendedahan kepada kandungan ehwal semasa bagi remaja kategori umur 15-17 tahun (min=2.26) dan 21-25 tahun (min=2.42).

Pendedahan kepada kandungan Agama: Perbandingan antara tiga kategori umur

Berdasarkan Jadual 3, didapati remaja dalam kategori umur 18-20 tahun mempunyai pendedahan yang lebih tinggi kepada kandungan agama melalui semua jenis media massa berbanding dengan remaja dalam kategori umur 15-17 tahun dan 21-25 tahun. Walau bagaimanapun, tempoh pendedahan kepada kandungan agama tersebut adalah secara umumnya lebih sedikit berbanding dengan pendedahan kepada kandungan media massa yang lain, kecuali untuk pendedahan agama melalui radio untuk remaja semua kategori umur 15-17 tahun (min=2.04), 18-20 tahun (min=2.09), dan remaja 21-25 tahun (min=2.21) dan skor tersebut adalah lebih tinggi berbanding dengan pendedahan kepada kandungan sukan untuk semua kategori umur remaja berkenaan yang masing-masingnya min=2.02, 2.18 dan 1.96.

Selain itu, pendedahan kepada kandungan agama juga didapati lebih tinggi melalui media akhbar untuk remaja dalam kategori umur 21-25 tahun (min=2.21) berbanding dengan pendedahan kepada kandungan gaya hidup (min=2.17) dan kandungan sukan (min=2.19) melalui media yang sama. Bagi remaja dalam kategori umur 15-17 tahun pula, didapati mereka terdedah lebih tinggi untuk kandungan agama melalui majalah (min=2.02) berbanding dengan kandungan ehwal semasa (min=1.91) dan kandungan sukan (min=1.98).

Pendedahan kepada kandungan Ehwal Semasa, Gaya Hidup dan Sukan: Perbandingan antara tiga kategori umur

Jika dibuat perbandingan secara umumnya menunjukkan pendedahan remaja kepada kandungan ehwal semasa, gaya hidup dan sukan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pendedahan kepada kandungan hiburan walau bagaimanapun adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pendedahan kepada kandungan agama, kecuali untuk beberapa situasi yang telah diterangkan sebelum ini.

Pada keseluruhannya, kajian ini menunjukkan remaja terdedah kepada jangka masa yang lebih lama kepada media televisyen berbanding radio, akhbar, majalah dan Internet. Sementara dari aspek kandungan media pula, didapati mereka lebih terdedah kepada program yang mempunyai kandungan bercorak

hiburan. Sebaliknya pendedahan kepada kandungan berbentuk agama adalah yang paling sedikit berbanding dengan kandungan ehwal semasa, gaya hidup dan sukan. Di lihat kepada kategori umur juga didapati remaja yang lebih banyak terdedah kepada media massa adalah remaja dalam kategori umur 18-20 tahun iaitu berbanding dengan remaja yang mewakili dua kategori umur yang lain iaitu 15-17 tahun dan 21-25 tahun.

RUJUKAN

- Abdo, Geneive. 2006. *Mecca and Main Street Muslim Life in America After 9/11*. NY:Oxford University Press
- Ab. Halim Tamuri dan rakan-rakan. 2005. Permasalahan pelajar fakir miskin di Daerah Sabak Bernam. *Jurnal Pendidikan*. 30. 21-34
- Fakta Belia. 2007. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
- Francis, L. J. 1997. The socio-psikological profile of the teenage television addict. *Muslim education quarterly*. 15 (1): 16 – 19
- Larking, L. 1997. *Television, Popular Culture*
- Mughess-Uddin. 1977. An Islamic framework ethics: Problems and challenges. *Hamdard Islamicus*. 20. (4). 57 - 67
- Miller, Katherine. 2005. *Communication theories. Perspectives, processes, and contexts*. 2nd Edition. Singapore: McGraw-Hill International Edition
- Swastos, W. H., Jr., & Christiano, K.J. 2000. Secularization theory: The course of a concept. In W.H. Swastos Jr., & D.V.A. Olson (Eds), *The secularization debate* (pp. 1-20). Lanham:Rowman & Littlefield

Profil Penulis

Hamisah binti Hasan, Ph.D
Department of Communication
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia
hamisah@fbmk.upm.edu.my

Ezhar Tamam, PhD
Department of Communication
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia

Muhammad Rosli Selamat
Department of Communication
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia

Narimah Ismail, PhD
Department of Communication
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia